



PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

2016 - 2020



PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

2016 - 2020



KANDUNGAN

Perutusan YB Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1
Prakata Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2
Ringkasan Eksekutif	3
BAB 1 : PENGENALAN	4
Latar Belakang	5
Fungsi dan Peranan Kementerian	5
Carta Organisasi Kementerian	6
Punca Kuasa	7
Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik KPKT	8
BAB 2 : ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA	10
BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK	18
Visi	19
Misi	19
Matlamat	19
Moto	19
Nilai Bersama	19
Ringkasan Pelan Strategik	21
Teras-Teras Strategik dan <i>Key Result Areas</i> (KRA)	22
Faktor Penentu Kejayaan	26
Menuju ke Hadapan dan Langkah Seterusnya	28
PENUTUP	28
PELAN TINDAKAN	30



Perutusan

YB Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di atas usaha yang telah digemblengkan bagi menghasilkan Pelan Strategik KPKT 2016-2020 ini. Saya percaya seluruh warga kerja KPKT telah bersedia menyahut cabaran untuk menjadikan KPKT sebagai sebuah organisasi yang sentiasa relevan dengan perubahan semasa serta mampu memenuhi harapan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan. Tempoh tahun 2016 hingga 2020 merupakan fasa yang kritikal kerana ia merupakan fasa terakhir untuk negara kita mencapai status negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020, di mana rakyatnya berpendapatan tinggi. KPKT turut memainkan peranan yang penting bagi mencapai Wawasan 2020. Selaras dengan tema Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, KPKT akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat khususnya yang berkaitan dengan perumahan, perkhidmatan kebombaan serta penyelamatan, pengurusan sisa pepejal, landskap dan pembasmian kemiskinan bandar. Khusus untuk meningkatkan tadbir urus di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian juga sedang mengorak langkah untuk mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT yang terkandung dalam Pelan Transformasi PBT.

Bagi meningkatkan dan memantapkan pengurusan perumahan awam, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN). Kerajaan Persekutuan juga telah menguatkuasakan pengasingan sisa pepejal di punca di peringkat domestik pada 1 September 2015 yang lalu sebagai satu usaha untuk membudayakan penjagaan kebersihan alam sekitar dan menggalakkan pertumbuhan hijau. Di samping itu, KPKT turut mewujudkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) sebagai satu mekanisme untuk menggalakkan penglibatan rakyat dalam tadbir urus Kerajaan. Menerusi Pelan Strategik KPKT 2016-2020, kesemua inisiatif ini akan ditambahbaik dengan mengutamakan pencapaian *outcome* untuk golongan sasaran dan diukur prestasinya menerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.

Saya berharap seluruh warga kerja KPKT akan dapat bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan visi, misi, matlamat, moto serta pelan tindakan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik KPKT 2016-2020 ini. Perkara ini hanya mampu dicapai sekiranya seluruh warga kerja KPKT sentiasa mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi yang berteraskan kepada produktiviti, inovasi dan semangat kerja berpasukan serta berani melaksanakan perubahan. Bekerja secara biasa tidak akan menghasilkan mutu kerja yang luar biasa. Saya yakin bahawa Pelan Strategik KPKT 2016-2020 akan melakarkan kejayaan yang lebih gemilang yang boleh kita semua banggakan.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL RAHMAN BIN DAHLAN

Prakata

Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Ekosistem dan landskap pembangunan yang sentiasa berubah serta kepesatan pembangunan teknologi maklumat menjadikan peranan dan fungsi agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat semakin mencabar. Harapan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan juga semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga tidak terkecuali dalam berhadapan dengan cabaran ini. Isu-isu perbandaran yang semakin kompleks, kesan daripada kepesatan proses perbandaran memerlukan tindakan yang lebih menyeluruh dan bersepadu agar bandar terus berdaya huni dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, KPKT telah mengambil inisiatif dengan menyediakan Pelan Strategik KPKT 2016-2020 agar KPKT dapat melaksanakan peranan dan fungsinya sejajar dengan perubahan semasa serta menyumbang secara lebih signifikan ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Berdasarkan penilaian dan dengan mengambil kira pencapaian Pelan Strategik 2013-2015, peranan dan fungsi setiap jabatan dan bahagian di KPKT akan disepadukan dan digerakkan ke arah hala tuju yang sama melalui cara bekerja yang lebih kreatif dan berinovatif melalui Pelan Strategik KPKT 2016-2020. Sumber-sumber yang ada digunakan secara lebih cekap dan optimum agar ia dapat mencapai *outcome* dan impak yang dihasratkan ke atas golongan sasaran. Visi, misi, matlamat dan moto Pelan Strategik KPKT 2016-2020 akan menjadi hala tuju utama dan rujukan seluruh warga kerja KPKT dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Diharapkan seluruh warga kerja KPKT dapat menghayati sepenuhnya hasrat murni Pelan Strategik KPKT 2016-2020 dan menterjemahkan di peringkat pelaksanaan projek dan program bagi memastikan Wawasan 2020 tercapai memandangkan ini merupakan fasa terakhir RMKe-11. Selaras dengan tema Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, KPKT akan terus memainkan peranan sebagai pemacu perubahan ke atas teras-teras yang telah digariskan. Saya percaya seluruh warga kerja mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk menjadikan KPKT sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan gemilang.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK



Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tahun 2016-2020 adalah kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2013-2015. Menyedari kepentingan untuk menyediakan perkhidmatan yang disampaikan lebih efisien, pelan strategik ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih inklusif bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Tempoh ini kritikal kerana ianya merupakan tempoh lima tahun terakhir bagi negara mencapai negara maju dengan rakyatnya yang berpendapatan tinggi. Ini adalah sejajar dengan tema Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), iaitu berpaksikan rakyat dengan mengambil kira rakyat sebagai tonggak pembangunan negara, usaha mempersiapkan rakyat untuk masa hadapan sebagai sandaran KPKT supaya setiap lapisan rakyat menikmati kemajuan yang saksama melalui pendekatan inovasi dan kreatif.

Penggubalan pelan strategik ini telah mengambil kira pandangan pegawai dan kakitangan di peringkat Kementerian serta semua agensi di bawahnya melalui Bengkel Pelan Strategik KPKT 2016-2020 yang telah diadakan pada 11 hingga 15 Mei 2015 dan soal selidik yang dijalankan pada 1 hingga 14 Oktober 2015. Penggubalan pelan strategik secara dasarnya mendukung visi dan misi Kerajaan seperti mana yang termaktub dalam Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Dalam masa yang sama, cabaran-cabaran sedia ada serta mendatang telah diambil kira seperti:

- i. kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang memerlukan peningkatan kompetensi personel;
- ii. pengintegrasian data dan perkongsian maklumat yang lebih komprehensif;
- iii. jaringan kerjasama strategik yang lebih berkesan; dan
- iv. inisiatif berimpak besar dalam meningkatkan kesedaran dan keperihatinan rakyat sebagai kumpulan sasaran utama KPKT.

Perancangan inisiatif adalah berdasarkan kepada teras strategik yang baru. Teras strategik ini memberi penekanan kepada usaha untuk meningkatkan kemandirian kumpulan sasaran untuk terus aktif dan produktif sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Dalam masa yang sama, sasaran bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti warga KPKT juga tidak dipinggirkan bagi menjamin peningkatan kompetensi, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian bagi melaksanakan tugas dengan lebih berintegriti dan menjamin tadbir urus yang terpelihara. Bagi mencapai pembangunan yang mampan, Pelan Strategik ini mencakupi matlamat yang ditetapkan dalam *Sustainable Development Goals*, selain daripada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).



BAB 1:

PENGENALAN



PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN 2016 – 2020

BAB 1: PENGENALAN

Latar Belakang


Pelan Strategik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tahun 2016 – 2020 adalah kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2013 – 2015.

Fungsi dan Peranan Kementerian

Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab untuk membentuk masyarakat sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan dalam:

- i. Menyediakan rumah mampu milik untuk golongan yang berkecukupan, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata serta menyelesaikan masalah pertikaian perumahan;
- ii. Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, kemudahan sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti bagi memenuhi keperluan penduduk setempat;
- iii. Memberikan latihan dan perkhidmatan pencegahan, pemadaman kebakaran dan penyelamatan yang cekap dan berkesan bagi memelihara keselamatan nyawa dan harta benda;
- iv. Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung;
 - a. perancangan, pengurusan, pemajuan dan pemuliharaan tanah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara;
 - b. perancangan, pelaksanaan dan pengurusan landskap, taman dan kawasan rekreasi; dan
 - c. memaju dan mengawal selia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar lebih bersepadu, cekap, berkesan dan keberkesanan kos.
- v. Melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam dalam tadbir urus PBT; dan
- vi. Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai.

Carta Organisasi Kementerian



Badan Berkanun Persekutuan



Punca Kuasa

Punca kuasa bagi Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan agensi-agensi di bawahnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ialah:

Dasar-Dasar:



Akta-Akta:

- i. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81]
- ii. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]
- iii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
- iv. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
- v. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
- vi. Akta Tuan Rumah Inapan 1952 [Akta 248]
- vii. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341]
- viii. Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]
- ix. Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538]
- x. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]
- xi. Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 673]
- xii. Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]
- xiii. Undang-Undang Kecil, Peraturan dan Kaedah yang digubal di bawah akta-akta di atas dan disokong oleh garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan / Bahagian yang berkaitan dari semasa ke semasa



Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik KPKT

i. Pihak Berkepentingan/Pemegang Taruh

- YAB Perdana Menteri
- YAB Timbalan Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- YB Menteri dan Timbalan Menteri KPKT
- YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri
- YBhg. Ketua Setiausaha Negara
- YB Setiausaha Kerajaan Negeri

ii. Majlis Utama

- Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)
- Majlis Perumahan Negara (MPN)
- Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)
- Majlis Keselamatan Air Negara (MKAN)

iii. Pelanggan

- Warga bandar dan komuniti setempat
- Pihak Berkuasa Negeri (PBN)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)
- Pembeli dan bakal pembeli rumah
- Pemaju perumahan
- Pemegang lesen pemberi pinjam wang
- Pemegang lesen pajak gadai
- Peminjam wang institusi pemberi pinjam wang
- Pemajak institusi pajak gadai
- Golongan miskin bandar dan B40
- Syarikat pengendali kemudahan pengurusan sisa pepejal
- Syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- Perbadanan Pengurusan (MC)
- Badan Pengurusan Bersama (JMB)

iv. Rakan Strategik

a. Agensi-Agensi Pusat

- Kementerian Kewangan (MOF)
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU)
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU)
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (MAMPU)
- Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS)
- Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU)
- Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri (TERAJU)
- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)

**b. Badan-Badan Professional**

- Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
- Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP)
- Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)
- *Institute of Fire Engineers (IFE)*
- Institut Jurutera Malaysia (IEM)
- Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)
- Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
- Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- *Association of Consultant Engineers Malaysia (ACEM)*

c. Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)

- Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA)
- Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sabah (SHAREDADA)
- Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA)
- Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA)
- Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA)
- Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa-Penguasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE)
- Persatuan Industri Landskap Malaysia (SILARA)
- Persatuan Pemberi Pinjam Wang Berlesen Malaysia (MILMA)
- Persatuan Tuan Punya Pajak Gadai Malaysia (MPBA)
- Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (GRAM)
- Persatuan Arborist Malaysia
- Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)
- Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (EPSM)
- Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM)
- Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (MPMA)
- Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (LSSM)
- Persatuan-Persatuan Penduduk
- Badan Warisan


d. Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa

- *United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)*
- *Commonwealth Local Government Forum (CLGF)*
- *Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM)*
- *Eastern Regional Organization for Planning and Human Settlements (EAROPH)*
- *The Japan Council of Local Authorities for International Relations (CLAIR)*
- *Asia-Pacific Minister's Conference on Housing and Urban Development (APMCHUD)*
- *United Cities and Local Government Asia-Pacific (UCLG-ASPAC)*
- *World Toilet Organization (WTO)*
- *Forum for East Asia-Latin America Cooperation (FEALAC)*
- *Thematic Working Group for Solid and Hazardous Waste (TWG-SHW)*
- *Commonwealth Association of Planners (CAP)*
- *Japan International Cooperation Agency (JICA)*



BAB 2:

ANALISA
PERSEKITARAN
DAN CABARAN
SEMASA





BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan dalam menjamin kesejahteraan bandar dengan menyediakan perumahan yang kondusif, mampu milik di samping berkualiti dan mengawal selia perkhidmatan yang diberikan oleh PBT. Cabaran utama KPKT adalah bagi menghadapi kadar urbanisasi yang semakin pesat berkembang. Menjelang tahun 2020, adalah dianggarkan bahawa kadar urbanisasi akan mencecah sekurang-kurangnya 75% dan secara tidak langsung meningkatkan *client base* KPKT secara mendadak. Menyedari hakikat tersebut, pendekatan dan kaedah yang terkini perlu dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan masyarakat yang semakin dinamik dan kompleks terutamanya berkaitan isu perbandaran.

Selaras dengan usaha Kerajaan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang progresif dan inklusif, terdapat beberapa isu dan cabaran kritikal yang dihadapi dalam merealisasikan aspirasi tersebut seperti yang berikut:

i. **Keperluan Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah dan Sederhana (B40)**

Keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana merupakan isu *flagship* kepada KPKT sejajar dengan kepentingannya sebagai keperluan asas manusia. Dasar Perumahan Negara yang digubal juga bermatlamat untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemapanan hidup rakyat. Secara umumnya, isu dan cabaran yang dikenal pasti adalah penawaran rumah mampu milik yang tidak sepadan dengan permintaan, kenaikan harga rumah di kawasan bandar utama, serta kekurangan perancangan dan pelaksanaan. Kemampuan untuk memiliki rumah adalah satu kebimbangan umum yang utama kerana perbelanjaan untuk perumahan adalah yang ketiga terbesar bagi kebanyakan isi rumah.

Kenaikan harga rumah melebihi 10% pada setiap suku tahun sejak suku keempat tahun 2011 pula telah merancakkan lagi spekulasi dalam sektor hartanah. Selain faktor spekulasi, kenaikan harga bahan mentah seperti besi dan keluli turut menyumbang kepada fenomena ini. Kenaikan harga rumah ini turut membawa kesan kepada segmen rumah harga rendah dan sederhana yang menyukarkan lagi akses pemilikan bagi kedua-dua golongan tersebut.

ii. **Kepentingan Pembeli Rumah dan Kawal Selia Pemaju Perumahan Swasta**

KPKT menyedari bahawa secara umumnya, setiap individu yang membeli rumah mempunyai sentimen yang tinggi terhadap aset kediaman yang dibeli sama ada ianya diperolehi bagi tujuan untuk diduduki ataupun sebagai satu pelaburan strategik. Ini disebabkan pembelian aset kediaman menuntut komitmen kewangan yang tinggi dan tempoh yang panjang untuk dimiliki. Kenaikan harga rumah yang mendadak secara tidak langsung meningkatkan kesedaran pemilikan rumah terutamanya di kalangan pembeli rumah pertama (*first home buyer*) dan juga golongan muda.

Secara umumnya, kepentingan pembeli rumah dibela melalui pelesenan pemajuan dan permit iklan dan jualan, pemantauan projek perumahan secara berkala dan berterusan, penguatkuasaan, penyelesaian pertikaian antara pemaju dan pembeli,



pemulihan projek perumahan terbengkalai serta khidmat nasihat kepada pembeli. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Pindaan 2012) merupakan punca kuasa tertinggi KPKT untuk mengawal selia pemaju perumahan swasta.

Tindakan penguatkuasaan perlu diteruskan dengan lebih giat lagi bagi memastikan kepentingan para pembeli terpelihara. Sungguhpun begitu, kepentingan pembeli dan pemaju perumahan swasta tetap perlu diimbangi dalam satu ekosistem yang sihat supaya sektor perumahan negara boleh terus berkembang.

iii. Pencegahan Bahaya Kebakaran serta *Response Time* Aktiviti Pemadaman dan Penyelamatan

Perkhidmatan kebombaam yang disediakan kepada masyarakat secara komprehensif adalah melalui penempatan balai bomba, anggota dan peralatan di lokasi yang strategik. Lokasi ini dinilai mengikut tahap risiko di sesuatu kawasan bertujuan melindungi nyawa dan harta benda daripada ancaman kebakaran, kemalangan dan apa jua bencana. Secara amnya, taburan pusat perkhidmatan kebombaam masih tidak mencukupi dan kurang strategik dari aspek lokaliti. Situasi ini mempengaruhi *response time* (tempoh masa bertindak) pasukan bomba dan liputan *fire cover* (perlindungan kebombaam) ke atas suatu kawasan.

Pencapaian purata *response time* yang direkodkan pada tahun 2014 menunjukkan tahap pencapaian pasukan bomba tiba ke tempat kejadian adalah pada tahap 44.82%. Kadar ini amat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang mencatatkan pencapaian lebih 80%. Kajian Perlindungan Kebombaam (*Fire Cover*) yang dilakukan oleh JBPM pada tahun 2014 juga mendapati masih terdapat kawasan yang belum dilindungi khasnya kawasan di luar bandar. Berdasarkan kajian tersebut juga negara Malaysia memerlukan 533 buah balai baharu bagi memastikan semua kawasan mendapat perlindungan kebombaam di samping menggembeleng anggota bomba bantuan.

iv. Pembangunan Bandar yang Mampan dan Berdaya Huni (*Liveable Cities*)

Kemampanan dan daya huni sesuatu bandar dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti akses perkhidmatan kesihatan, jaringan pengangkutan, kualiti alam sekitar, kestabilan politik, kesaksamaan sosial, kadar insiden jenayah, peluang perniagaan dan pekerjaan serta kemudahan dan infrastruktur awam yang efektif. Menyedari kepentingan tersebut, perancangan dan reka bentuk sesuatu bandar perlu dilaksanakan secara holistik bagi memastikan tahap daya huni yang tinggi. Sesuatu bandar yang mempunyai tahap daya huni yang tinggi berpotensi untuk menarik pelaburan asing dan seterusnya mewujudkan kesan berganda kepada ekonomi setempat khususnya dan negara secara amnya.

Bagi mencapai pembangunan holistik dan mampan jangka panjang, matlamat perancangan yang menekankan pewujudan negara berdaya huni bagi meningkatkan kualiti persekitaran yang mampu membentuk komuniti sejahtera dan inklusif perlu digubal. Selaras dengan itu Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan Dasar Perbandaran Negara (DPN) telah menggariskan prinsip berkaitan bandar berdaya huni dengan mengambil kira ciri-ciri berdaya tahan, kesepaduan, selamat dan beridentiti yang mengambil kira semua aspek kesejahteraan dan keselesaan untuk didiami.



Sejak tahun 2006, telah wujud usaha untuk menanda aras bandar-bandar berdaya huni di seluruh dunia yang bertujuan memberikan panduan dan cadangan terutama kepada pemimpin-pemimpin industri yang berminat untuk mengembangkan pelaburan mereka ke peringkat antarabangsa. Sebagai contoh *Economist Intelligence Unit* (EIU) dalam laporan *Global Liveability Survey* telah meletakkan Kuala Lumpur, satu-satunya bandar di Malaysia pada kedudukan ke 73 dalam senarai 140 bandar yang dinilai. Pencapaian ini boleh dikatakan pada tahap sederhana rendah jika dibandingkan dengan bandar-bandar lain pada kedudukan sepuluh terbaik seperti Melbourne (Australia), Vienna (Austria) dan Vancouver (Canada). Secara umumnya, pembangunan bandar yang mampan mampu mempengaruhi tahap kesejahteraan penduduknya. Laporan *World Happiness Report* 2015 meletakkan Malaysia di tangga ke 61 daripada 158 negara di seluruh Negara. Indeks Kebahagiaan yang digunakan untuk mengukur tahap kesejahteraan penduduk secara menyeluruh boleh dijadikan alat untuk merealisasikan bandar di Malaysia supaya lebih berdaya huni setanding dengan bandar-bandar terkemuka di dunia yang lain.

Dalam konteks Malaysia, tahap kemampan sesebuah bandar diukur dan dinilai melalui sistem MURNInets (*Malaysian Urban Rural National Indicators For Sustainable Development*). Berdasarkan sistem ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat memantau, merancang dan mengurus tadbir bandar dengan lebih cekap dan berkesan. Setiap tahun, penganugerahan bandar mampan akan diberikan kepada PBT sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS).

v. Tadbir Urus dan Mutu Penyampaian Perkhidmatan PBT Selaku *The Urban Managers*

PBT selaku barisan hadapan perlu menyediakan perkhidmatan yang terbaik demi memenuhi harapan rakyat di kawasan masing-masing. Dalam era globalisasi masa kini cabaran menyediakan perkhidmatan yang cemerlang adalah amat tinggi. PBT bukan sahaja perlu meningkatkan daya saing organisasi PBT, tetapi juga menyediakan satu persekitaran yang sihat untuk meningkatkan daya saing sektor ekonomi dan kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut.

Oleh yang demikian, PBT perlu melaksanakan transformasi dan tidak terhad kepada melaksanakan perkhidmatan teras semata-mata seperti pelesenan, penguatkuasaan, kawalan persekitaran dan perkhidmatan perbandaran yang lain. PBT perlu juga memperluaskan penglibatan komuniti dan badan bukan Kerajaan dalam pentadbiran setempat selaras dengan tema pertumbuhan berpaksikan rakyat yang digariskan dalam RMKe-11. Analisis keputusan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2013 mendapati bahawa peratus pencapaian keseluruhan bagi kriteria penglibatan komuniti dan pandangan penduduk masih berada pada tahap yang rendah iaitu 64.03% berbanding kriteria pengurusan (70.73%), perkhidmatan teras (71.29%) dan pengurusan pelanggan (72.07%).



vi. Keperluan Kawasan Lapang, Hijau dan Rekreasi

Landskap dan kawasan lapang yang menarik, selesa dan berfungsi turut memainkan peranan penting bagi meningkatkan kemampanan dan daya huni di sesebuah kawasan. Walau bagaimanapun, kepesatan pertumbuhan ekonomi dan proses pembangunan fizikal telah meningkatkan persaingan guna tanah dan ia juga telah memberi impak kepada keperluan pemeliharaan, pemuliharaan dan pengendalian alam sekitar.

Antara isu utama yang menjadi masalah kepada perbandaran negara ialah kekurangan kawasan lapang untuk dibangunkan sebagai taman. Ini adalah kerana guna tanah kawasan lebih disandarkan kepada keupayaan nilai komersil sama ada dibangunkan dalam bentuk perumahan, tanah komersil, pertanian dan sebagainya yang lebih menjana ekonomi. Ini membawa kesan kepada dorongan memajukan kawasan lapang untuk rekreasi amatlah sedikit memandangkan ia tidak menjanakan hasil bagi sesebuah tempat. Kesannya ialah kekurangan kawasan lapang yang baik dan strategik untuk dibangunkan sebagai taman awam.

Sehubungan itu, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah membuat ketetapan supaya semua Pihak Berkuasa Negeri untuk mempercepatkan proses pewartaan tanah lapang yang ada supaya kawasan tersebut tidak dibangunkan untuk kegunaan lain.

vii. Keperluan Pengurusan Sisa Pepejal yang Cepak dan Berkesan

Berasaskan kajian Pelan Strategik PSP Kebangsaan (NSP) pada tahun 2005, jumlah sisa pepejal yang dihasilkan di Malaysia pada tahun tersebut adalah dianggarkan 18,180 tan sehari berdasarkan jumlah penduduk seramai 20.2 juta orang. Manakala Kajian Komposisi Sisa Pepejal, Ciri-Ciri dan Amalan Kitar Semula di Malaysia yang dijalankan pada 2011-2012 menunjukkan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan di Malaysia pada tahun 2012 adalah dianggarkan 33,130 tan sehari berdasarkan jumlah penduduk seramai 28.3 juta orang. Manakala sisa makanan merupakan sisa yang paling banyak dijana, iaitu 45% daripada jumlah keseluruhan sisa yang dijana setiap hari.

Di Malaysia, kaedah dan teknologi terkini bagi menguruskan sisa pepejal adalah menerusi pembinaan tapak pelupusan sanitari dan stesen pemindahan. Pembinaan tapak pelupusan adalah lebih ekonomik kerana kos pembinaannya yang rendah berbanding penggunaan teknologi rawatan lain. Berdasarkan kajian pada tahun 2012 menunjukkan sekitar 85% daripada jumlah sisa yang dijana oleh isi rumah di Malaysia dihantar dan dilupuskan terus ke tapak-tapak pelupusan. Berdasarkan kepada kadar purata pertumbuhan penduduk 2% setiap tahun, peningkatan tahap sosioekonomi serta perubahan gaya hidup, kadar penajanan sisa dijangka akan terus meningkat kepada 49,070 tan sehari menjelang tahun 2020. Sekiranya situasi ini berterusan, tapak-tapak pelupusan sedia ada akan penuh dalam tempoh masa yang singkat dan pencemaran alam sekitar akan berlaku.

viii. Pengurangan Kadar Kemiskinan Bandar dan B40

Kemiskinan bandar merupakan satu fenomena yang biasa berlaku hasil pertumbuhan penduduk di kawasan bandar. Secara prinsipnya, menetap di kawasan bandar bererti hidup dalam ekonomi kewangan yang mana wang ringgit



perlu dijana untuk meneruskan kelangsungan hidup. KPKT memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf isi rumah miskin dan B40 ke arah masyarakat kelas menengah seperti mana digariskan dalam RMKe-11. Cabaran utama dalam merealisasikan bidang fokus ini adalah meningkatkan kapasiti golongan miskin bandar melalui pemberian bantuan dan latihan yang berterusan dan pelbagai. Selain itu, yang lebih penting adalah satu pendekatan yang lebih holistik dan inklusif untuk mengubah pemikiran golongan miskin bandar untuk keluar daripada kitaran ganas kemiskinan (*poverty vicious cycle*), gelandangan dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan ekonomi diri, keluarga dan masyarakat. Kemiskinan tidak wajar diwarisi oleh generasi kedua.

ix. **Kecekapan Pengurusan dan Kualiti Penyelenggaraan di Kediaman Berstrata**

Pada masa kini, 30% penduduk bandar mendiami bangunan berstrata yang membentuk tunjang komuniti di bandar. KPKT menjangkakan peratusan ini akan terus meningkat secara konsisten sejajar dengan isu kekurangan tanah untuk pembangunan skim perumahan hak milik bertanah (*landed property*) terutamanya di bandar-bandar utama negara. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan melihat pemerkasaan penduduk berstrata sebagai satu elemen penting dalam memastikan kesejahteraan penduduk berstrata dipelihara. Pihak Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan juga telah berusaha menjalankan peranan dengan berkesan bagi memastikan bangunan berstrata diuruskan dengan sempurna agar penduduknya dapat menikmati kualiti hidup yang baik.

Suatu aspirasi atau falsafah dalam membina kehidupan berkualiti tidak akan tercapai tanpa bantuan dan sokongan komuniti strata itu sendiri. Tunjang kehidupan berkualiti di bangunan strata adalah bertitik daripada penglibatan dan komitmen menyeluruh serta kesedaran dan keprihatinan setiap penghuni dalam menjaga kebersihan, keselesaan dan keselamatan selain daripada aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan yang baik.

x. **Kawal Selia Aktiviti Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai**

Sehingga 2014, terdapat sebanyak 3,323 pemegang lesen pemberi pinjam wang (PPW) dan 416 pemegang lesen pajak gadai (PWG) yang aktif. Sungguhpun terdapat banyak institusi kewangan yang turut menawarkan pinjaman, pemberi pinjam wang masih menjadi satu alternatif mikro kredit untuk mendapatkan tunai dengan cepat dan mudah. Sehubungan itu, pengawal seliaan yang berkesan dapat menangkis stigma negatif yang selalu dikaitkan dengannya seperti penggubahan wang haram (*money laundering*) dan gejala 'ah long'. PPW yang dilesenkan membolehkan ia dikawal melalui akta dan peraturan agar perkhidmatan berkenaan menjalankan aktivitinya dengan sihat dan tidak menindas peminjam wang.

Pajak gadai secara Islam atau Ar-Rahnu pula dikenal pasti sebagai satu alternatif dalam institusi pajak gadai negara. Seiring dengan perkembangan institusi kewangan Islam yang semakin pesat pada masa ini, adalah wajar supaya suatu akta digubal untuk mengawal selia aktiviti pajak gadai Islam agar elemen patuh syariah meliputi kawalan perkhidmatan gadaian Islam, pemegang pajak gadai, perlindungan penggadai dan barang gadaian terbabit. Buat masa ini Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 belum meliputi pajak gadai secara Ar-Rahnu.



xi. Perkembangan Ekonomi Global

Menurut laporan *Global Economic Prospect* yang dikeluarkan pada bulan Jun 2015 oleh World Bank, negara membangun (*developing countries*) termasuk Malaysia diramal berdepan cabaran yang besar untuk tahun-tahun mendatang. Cabaran ini termasuk kos pinjaman yang tinggi dalam era kejatuhan harga minyak dan pengukuhan dolar Amerika berbanding mata wang lain. Buat masa ini, ekonomi negara membangun dijangka berkembang pada tahap 4.4% untuk tahun 2015 dengan jangkaan 5.2% bagi tahun 2016 dan 5.7% menjelang 2017. Bagi mengharungi detik ekonomi yang sukar ini, Malaysia perlu memastikan daya saing yang tinggi dengan melakukan penambahbaikan pada persekitaran perniagaan di samping meningkatkan infrastruktur ke arah menggalakkan penghasilan pasaran oleh industri kecil dan sederhana dan peluang pekerjaan yang baru (*market and job creation*).

Sebagai sebuah agensi Kerajaan Persekutuan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat di negara ini, KPKT melihat perkembangan global termasuk kejatuhan ekonomi, perubahan iklim, isu globalisasi dan ledakan teknologi maklumat sebagai satu situasi yang perlu ditangani secara tuntas dan bersepadu.



BAB 3:

HALA TUJU
STRATEGIK



BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK

Visi

Mewujudkan Persekitaran Hidup Yang Berkualiti dan Mampan Selaras Dengan Wawasan Negara

Misi

Merealisasikan Agenda Pembangunan Negara Melalui Inisiatif Perumahan, Perkhidmatan Perbandaran dan Kebommbaan Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Rakyat

Matlamat

Kementerian Berprestasi Tinggi dan Berorientasikan Keberhasilan Demi Kesejahteraan Rakyat

Moto

Kehidupan Sejahtera

Nilai Bersama

R – Responsif

U – Unggul

M – Mampan

A – Amanah

H – Harmoni

K – Kreatif dan Inovatif

U – Upaya

Responsif

1. Sentiasa peka kepada perubahan persekitaran dan kehendak pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan.
2. Mengutamakan pelanggan dan bertindak balas terhadap aduan pelanggan dengan cepat.
3. Mengadakan sesi rundingan bersama pihak berkepentingan dan pelanggan untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan.

Unggul

1. Mengamalkan budaya kerja cemerlang yang berpegang teguh kepada kesegeraan dan ketepatan.
2. Mengutamakan hasil kerja berkualiti yang melangkaui harapan pihak berkepentingan dan pelanggan.
3. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan.



Mampan

1. Organisasi yang menghayati dan mengamalkan ciri-ciri kemampanan, iaitu mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang cemerlang serta melaksanakan penambahbaikan secara berterusan.
2. Memastikan pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan peluang generasi akan datang.
3. Sentiasa mengambil kira aspek mesra alam dalam kelangsungan perancangan dan pelaksanaan tugas serta amalan harian.

Amanah

1. Sentiasa mengamalkan dan berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti dan kejujuran bagi memelihara imej Perkhidmatan Awam yang utuh.
2. Bercakap benar, menepati janji dan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan disiplin.
3. Menepati masa dan sentiasa bersikap adil dalam menjalankan tugas.

Harmoni

1. Saling bekerjasama dalam suasana yang muhibah sebagai sebuah pasukan demi kepentingan organisasi.
2. Mempunyai semangat kekitaan dan sepakat dalam sebarang tindakan.
3. Memberi layanan yang mesra dan berbudi bahasa sesama anggota dalam organisasi dan juga kepada pihak berkepentingan dan pelanggan.

Kreatif dan Inovatif


1. Berfikir di luar kotak, kritis, konstruktif dan mengemukakan idea-idea yang bernas dalam menyelesaikan sesuatu isu dan masalah.
2. Berinovatif, iaitu sentiasa mengaplikasikan sesuatu inisiatif ataupun kaedah baru di luar kelaziman yang boleh memberi impak signifikan kepada pelanggan.
3. Perekayasaan proses dan prosedur kerja.

Upaya

1. Berilmu, kompeten, berpengetahuan dan mahir dalam melaksanakan tugas.
2. Berkeyakinan tinggi dalam menyahut sebarang cabaran, berdaya saing serta bersedia menerima dan melaksanakan perubahan ke arah penambahbaikan.



Ringkasan Pelan Strategik





Teras - Teras Strategik dan *Key Result Areas (KRA)*



Teras Strategik 1 : Meningkatkan Pembangunan Perumahan Berkualiti, Kawal Selia dan Penyelesaian Pertikaian Perumahan yang Cepak dan Berkesan Ke Arah Masyarakat yang Sejahtera

- KRA 1 : Penyediaan perumahan yang berkualiti untuk rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana
- KRA 2 : Pengawalseliaan pemajuan perumahan swasta di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 {Akta 118} secara cepak dan berkesan

KPKT akan terus meningkatkan penyediaan rumah yang berkualiti untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana melalui inisiatif sedia ada iaitu Program Perumahan Rakyat (PPR) dan terkini melalui Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Rumah Transit 1Malaysia (RT1M). Kerajaan juga telah mengumumkan penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) bagi menambah baik aspek penyelenggaraan di semua rumah PPR. Kerajaan menyedari bahawa PBT mengalami masalah kewangan untuk menanggung kos penyelenggaraan PPR yang tinggi.

KPKT juga telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Majlis ini berfungsi untuk merangka strategi dan pelan tindakan, menyelaraskan aspek perundangan dan mekanisme penetapan harga hartanah dalam memastikan penyediaan rumah mampu milik dan berkualiti. Majlis ini terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang bertanggungjawab bagi penyediaan rumah selain KPKT berdasarkan golongan sasaran tersendiri seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kerajaan-Kerajaan Negeri dan lain-lain. Kerajaan Persekutuan telah mengorak langkah berani dengan menetapkan sasaran 1 juta rumah mampu milik siap dibina menjelang tahun 2018.

Mekanisme kawal selia perumahan melalui pelesenan, pemantauan, penguatkuasaan dan pemulihan projek perumahan terbengkalai akan terus ditambah baik dan dimantapkan dari semasa ke semasa demi untuk melindungi kepentingan pembeli. Penyelesaian tuntutan pembeli rumah pula akan diselesaikan sebaik mungkin berdasarkan konsep cepat, mudah dan ekonomik.



Teras Strategik 2 : Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan Yang Berkesan untuk Kesejahteraan Rakyat

- KRA 3 : Peningkatan keberkesanan keselamatan kebakaran dan merakyatkan perkhidmatan kebombaan
- KRA 4 : Peningkatan profesionalisme operasi kebombaan dan penyelamatan

Bersesuaian dengan fokus kepada pembangunan ekonomi rakyat dalam RMKe-11, Teras Strategik 2 akan memberi penekanan khusus terhadap pemeraksanaan pengetahuan dan penglibatan awam dalam program kebombaan dan penyelamatan. Pendekatan ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan orang awam sebagai *first responder* terhadap teknik-teknik asas dalam kebombaan dan penyelamatan yang dapat diaplikasikan sekiranya berlaku insiden kecemasan sebelum kehadiran jentera dan anggota bomba di tempat kejadian. Program ini akan melibatkan lapisan masyarakat di segenap lapisan usia melalui pelbagai inisiatif seperti bomba komuniti, briged bomba, kadet bomba, kelab 3K dan 1Rumah 1Alat Pemadam Api (1Rapi) di samping kempen keselamatan kebakaran yang diadakan dari semasa ke semasa.

Bagi meningkatkan profesionalisme anggota bomba dan penyelamat, modul latihan sedia ada akan dikaji semula agar bersesuaian dengan tahap bahaya kebakaran dan bencana alam di Malaysia yang semakin mencabar. Selain itu, profesionalisme dan kompetensi jurulatih serta pegawai bomba akan dinilai dengan lebih teliti dan bersepadu bagi memastikan tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi apabila berdepan insiden kecemasan yang pelbagai. Mengambil kira semangat komuniti ASEAN yang dilancarkan baru-baru ini, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan menumpukan kerjasama dengan jabatan-jabatan bomba di rantau ini untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani sebarang kejadian bencana alam seperti banjir, kebakaran berskala besar, gempa bumi dan lain-lain. Purata pencapaian *response time* pasukan bomba juga akan dikaji dan diperbaiki bagi memastikan perkhidmatan kebombaan yang diberikan setanding dengan kadar 80% di negara-negara maju.



Teras Strategik 3 : Merekayasa Pertumbuhan Persekitaran yang Mampan bagi Meningkatkan Daya Huni

- KRA 5 : Mewujudkan Perancangan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mampan
- KRA 6 : Meningkatkan kecekapan tadbir urus dan mutu penyampaian perkhidmatan PBT
- KRA 7 : Pembangunan landskap yang mampan serta penyediaan taman dan akses kepada kemudahan rekreasi yang berkualiti
- KRA 8 : Kelestarian pengurusan sisa pepejal dan pembudayaan pembersihan awam

Pertumbuhan persekitaran yang mampan akan terus diperjuangkan oleh KPKT. Dasar Perbandaran Negara Ke-2 yang bakal dilancarkan tidak lama lagi akan dijadikan sebagai panduan untuk membangunkan bandar-bandar di Malaysia. Rancangan Fizikal Negara Ke-3 pula sedang dirangka dan akan menjadi dokumen utama bagi perancangan fizikal



spatial negara bagi menjayakan program-program pembangunan yang digariskan dalam RMKe-11. Sistem maklumat guna tanah juga akan dimantapkan melalui inisiatif I-Plan. Sistem ini dapat membantu proses membuat pertimbangan pembangunan pemajuan tanah yang cepat dan mudah.

PBT selaku *the urban managers* akan ditransformasikan melalui 'Pelan PBT di Hati Rakyat' yang bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, kesejahteraan dan kelestarian persekitaran. Sebanyak enam teras yang telah digariskan di bawah pelan ini iaitu pembangunan modal insan, kecekapan perkhidmatan, pengukuhan kewangan dan kesejahteraan rakyat, PBT di Hati dan komunikasi berkesan yang kesemuanya mengandungi 267 program termasuk 11 program berimpak tinggi. Model Baru *One Stop Center* (OSC) 3.0 yang telah ditambah baik bagi meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan di peringkat tempatan pula telah mula diguna pakai oleh PBT-PBT di Semenanjung Malaysia. Model baru ini memberi fokus kepada enam proses utama pembinaan iaitu pra rundingan, pertimbangan kepada pelan-pelan cadangan pemajuan, notifikasi permulaan kerja binaan di tapak, pemeriksaan interim dan akhir serta pendepositan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC).

